

HAJI DAN PERPADUAN

23 Jun 2023 | 04 Zulhijjah 1444H

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Haji adalah rukun Islam kelima yang wajib ke atas setiap muslim yang berkemampuan. Ibadah haji adalah simbol pengorbanan kepada agama. Keperluan berkorban tenaga, masa dan harta benda dalam menunaikan ibadah haji merupakan suatu pengajaran kepada kita sebagai hamba Allah Subhanahu wa Taala. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Hajj ayat 27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ

فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: *Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan menunggang unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala ,

Ibadah haji adalah simbol perpaduan. Berhimpunnya jemaah haji dari seluruh dunia di kota Mekah dan Madinah adalah satu pengajaran bahawa umat Islam diwajibkan berkasih sayang, saling menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, kedudukan dan pangkat. Budaya kasih sayang dan saling bekerjasama perlu diikat oleh iman dan takwa kepada Allah Subhanahu wa Taala. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Yang bermaksud: *"Orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu mendapat rahmat."*

Hubungan dalam kalangan umat Islam hari ini amat longgar, budaya tegur menegur semakin luntur, jiran bersebelahan rumah tidak kenal mengenal. Ada juga yang tidak mengenali saudara mara dan kaum kerabat masing-masing. Umat Islam dilanda sindrom permusuhan dan hasad dengki. Ada segelintir yang sanggup menindas, mengkhianat, menzalimi malah hingga berbunuh-bunuhan. Inilah sebenarnya hasil daripada pendekatan dasar perpaduan yang tidak didasari kepada iman dan takwa. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

لَا تَقَاطِعُوا ، وَلَا تَدَابِرُوا ، وَلَا تَبَاغَضُوا ، وَلَا تَحَاسَدُوا ، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا ، وَلَا يَجِلُّ

لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثِ

Yang bermaksud: “*Jangan kamu memutuskan hubungan, tidak bertegur sapa, membenci dan berhasad dengki, sebaliknya jadilah hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seseorang Islam tidak menegur saudaranya lebih daripada tiga hari.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Ibadah haji adalah simbol persamaan taraf sesama manusia. Kewajipan berpakaian ihram yang seragam dalam kalangan jemaah haji tanpa mengira kedudukan dan pangkat, memberi pengajaran bahawa semua manusia di sisi Allah Subhanahu wa Taala adalah sama taraf. Prinsip inilah yang menjadi faktor penting kejayaan Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam menegakkan agama dan daulah Islamiyah. Sejarah mencatatkan bahawa Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam melayani masyarakat pada zamannya secara sama rata, tiada beza membeza sekalipun dengan anak sendiri.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Marilah kita bersama-sama memahami pengajaran penting dalam ibadah haji untuk dilaksanakan dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Mudah-mudahan kita akan berbahagia di dunia dan akhirat. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Baqarah ayat 197;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾

Yang bermaksud: “(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.